

**AKTA PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI PUSAT) 1991**

**PERATURAN-PERATURAN PERINDUSTRIAN SEKURITI (DEPOSITORI  
PUSAT)(PEMUNYAAN ASING) 1996**

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 63 Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

**Nama dan mula berkuat kuasa**

1. Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Perindustrian Sekuriti (Depositori Pusat)(Pemunyaan Asing) 1996** dan hendaklah mula berkuatkuasa pada 10 Oktober 1996.

**Tafsiran**

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“daftar anggota” ertinya daftar anggota yang disenggarakan oleh penerbit dibawah seksyen 158 Akta Syarikat 1965;

“had ditetapkan” ertinya kuota, sekatan atau had ke atas pemunyaan syer oleh seorang orang asing yang dikenakan ke atas penerbit oleh memorandum dan perkara-perkara persatuan atau mana-mana dokumen konstituen lain penerbit;

“hak obligasi” ertinya segala hak, faedah, kuasa, keistimewaan, liabiliti, kewajipan dan obligasi yang disebut dalam subperaturan 6(1);

“orang asing” ertinya—

- (a) seorang individu yang bukan warganegara Malaysia;
- (b) sesuatu badan, yang diperbadankan atau tak diperbadankan, yang diperbadankan atau ditubuhkan, mengikut mana-mana yang berkenaan, di luar Malaysia;
- (c) seseorang pemegang amanah yang mentadbirkan suatu amanah yang ditubuhkan di bawah mana-mana undang-undang asing;
- (d) sesuatu perbadanan amanah yang diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang asing;
- (e) sesuatu pertubuhan, termasuk sesuatu koperasi atau apa-apa institusi lain, yang ditubuhkan, didaftarkan atau diperbadankan di bawah mana-mana undang-undang asing;
- (f) sesuatu syarikat namaan yang diperbadankan di Malaysia yang—
  - (i) dikenalpasti dengan perkataan “(Asing)” dalam namanya; dan
  - (ii) melaksanakan perkhidmatan penama, ejen atau pemegang amanah semata-mata bagi atau bagi pihak pemunya sekuriti di sisi undang-undang atau pemunya sekuriti benefisial yang merupakan orang asing; atau
- (g) sesuatu syarikat, selain daripada syarikat yang diperihalkan di bawah perenggan (f), yang diperbadankan di Malaysia dan yang mana-mana satu daripada orang atau gabungan orang yang disebut dalam perenggan (a), (b), (c), (d) atau (e) berhak menjalankan atau mengawal penjalanan lebih daripada lima puluh peratus hak mengundi syarikat itu;

“penukaran syer” ertinya penukaran syer yang tidak disembutharga secara berasingan pada senarai rasmi suatu bursa saham kepada syer tempatan dan syer asing yang disembutharga secara berasingan pada senarai rasmi suatu bursa saham;

“perbadanan” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965;

“syarikat” mempunyai erti yang sama seperti yang diberikan kepada ungkapan itu di bawah subseksyen 4(1) Akta Syarikat 1965;

“syer” ertinya syer dalam modal syer sesuatu perbadanan yang disebut harga pada senarai rasmi suatu bursa saham;

“syer asing” ertinya syer penerbit yang disebut harga secara berasingan sebagai syer asing pada senarai rasmi suatu bursa saham daripada syer tempatan penerbit itu dan yang dikenalpasti sebagai syer asing melalui penggunaan huruf “F” selepas kod stok penerbit sebagaimana yang ditentukan oleh bursa saham;

“syer tempatan” ertinya syer penerbit yang disebut harga secara berasingan pada senarai rasmi suatu bursa saham daripada syer asing penerbit itu;

“syer terhad” ertinya syer, selain daripada syer asing, dengan had ditetapkan yang telah didepositkan dengan suatu depository pusat;

“tindakan perbadanan” ertinya apa-apa tindakan yang diambil oleh penerbit berhubungan dengan atau berbangkit daripada modal syernya termasuk membayar dividen, menerbitkan syer bonus serta hak dan kepentingan lain yang dikaitkan dengan modal syer itu, penyusunan semula modal dan pencantuman syer.

### **Syer terhad hendaklah berada dalam gantungan**

3. Bagi maksud perenggan 41(1)(e) Akta, segala syer terhad dalam sesuatu akaun sekuriti seorang orang asing adalah dinyatakan sebagai berada dalam gantungan.

### **Hak orang asing berhubungan dengan syer terhad**

4. (1) Walau apa pun peraturan 3, seseorang orang asing—

- (a) boleh memperoleh, melupuskan, memindahkan atau menggadaikan syer terhad;
- (b) boleh menerima balasan berkenaan dengan transaksi yang disebut dalam perenggan (a); dan
- (c) berhak mendapat apa-apa hak dan obligasi yang ditentukan oleh penerbit di bawah subperaturan 6(1);

(2) Tiada apa pun dalam Peraturan-Peraturan ini boleh menyentuh hak, faedah, kuasa, keistimewaan, liabiliti, kewajipan atau obligasi orang asing itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis atau rukun undang-undang yang berbangkit daripada atau berkenaan dengan transaksi yang disebut dalam perenggan (1)(a) dan (1)(b).

### **Prosedur bertulis**

5. (1) Penerbit hendaklah mengadakan prosedur bertulis yang tidak tak konsisten dengan Peraturan-Peraturan ini, yang hendaklah diperakui oleh seorang juruaudit luar yang dilantik oleh penerbit, untuk mengawal apa-apa penentuan yang dibuat di bawah peraturan 6.

(2) Dalam hal syer terhad yang disebut pada senarai rasmi suatu bursa saham pada tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuatkuasa, prosedur bertulis itu hendaklah diadakan mengikut subperaturan (1) dalam masa enam bulan dari tarikh itu.

(3) Dalam hal syer terhad yang dicadangkan untuk disebut pada senarai rasmi suatu bursa saham selepas tarikh Peraturan-Peraturan ini mula berkuatkuasa, prosedur bertulis itu hendaklah diadakan mengikut subperaturan (1) sebelum penyenaian syer terhad itu.

(4) Penerbit boleh, mengikut superaturan (1), meminda prosedur bertulis itu.

(5) Juruaudit luar hendaklah, dalam masa satu bulan daripada pengadaaan prosedur bertulis yang disebut dalam subperaturan (1) atau daripada apa-apa pindaan prosedur bertulis itu di bawah subperaturan (4), mengikut mana-mana yang berkenaan, menyerahsimpan suatu salinan perakuan juruaudit luar bersama suatu salinan prosedur bertulis itu dengan depository pusat itu.

## **Penentuan keberhakan kepada hak dan obligasi**

6 (1) Penerbit hendaklah menentukan sama ada seorang orang asing yang mempunyai syer terhad dalam akaun sekuritinya—

- (a) berhak kepada segala hak, faedah, kuasa dan keistimewaan; dan
- (b) tertakluk kepada segala liabiliti, kewajipan dan obligasi,

yang berkenaan dengan atau yang berbangkit daripada syer terhad itu, sama diberikan atau dikenakan oleh Akta Syarikat 1965 atau memorandum dan perkara-perkara persatuan penerbit atau selainnya, seolah-olah dia ialah seorang anggota yang didaftarkan dalam daftar anggota.

(2) Suatu penentuan di bawah superaturan (1) hendaklah dibuat apabila berlakunya mana-mana keadaan yang berikut:

- (a) penyerahsimpanan suatu suratcara pemindahan oleh seorang orang asing bersama skrip yang merupakan syer terhad itu bagi maksud melaksanakan pemindahan syer terhad itu kepada orang asing itu;
- (b) penerimaan suatu permohonan oleh seorang orang asing bagi suatu pemindahan bersilang di bawah peraturan 9;
- (c) sebelum pemanggilan sesuatu mesyuarat agung;
- (d) sebelum pengakujanjian apa-apa tindakan perbadanan oleh penerbit;
- (e) penerimaan suatu permohonan bagi pengeluaran syer terhad itu; atau
- (f) penukaran syer,

(3) Tanpa menjejaskan subperaturan (2), penerbit boleh membuat suatu penentuan di bawah subperaturan (1) dalam mana-mana situasi lain yang difikirkan perlu oleh penerbit.

(4) Dalam membuat sesuatu penentuan di bawah subperaturan (1), penerbit hendaklah mematuhi—

(a) kaedah-kaedah depositori pusat; dan

(b) prosedur bertulis yang diadakan dibawah peraturan 5,

dan jika kaedah-kaedah depositori pusat bercanggah dengan prosedur bertulis, yang disebut dahulu hendaklah mengatasi.

(5) Dalam membuat sesuatu penentuan di bawah subperaturan (1), penerbit hendaklah menentukan, pada tarikh penentuan itu, sama ada kuantiti syer terhad yang diperoleh atau yang diserahkan untuk pemindahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh orang asing itu termasuk dalam had ditetapkan.

(6) Jika kuantiti syer terhad yang diperoleh atau yang diserahkan untuk pemindahan, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh orang asing itu termasuk dalam had ditetapkan, penerbit hendaklah memberikan keberhakan kepada hak dan obligasi berkenaan dengan syer terhad itu kepada orang asing itu.

(7) Jika had ditetapkan telah dilebihi, penerbit hendaklah menimbangkan perkara yang berikut sebelum membuat sesuatu penentuan di bawah subperaturan (1):

(a) masa pemerolehan syer terhad itu oleh orang asing itu sebagaimana yang terdapat dalam rekod pendeposit, sebagaimana yang ditentukan di bawah kaedah-kaedah depositori pusat; atau

(b) masa penyerahsimpanan suratcara pemindahan syer terhad itu oleh orang asing itu di bawah perenggan (2)(a),

mengikut mana-mana yang dikehendaki, dan, tertakluk kepada subperaturan (6), hendaklah memberikan keberhakan kepada hak dan obligasi berkenaan dengan syer terhad itu kepada orang asing yang telah memperoleh syer terhad itu atau yang telah menyerahkan suratcara pemindahan syer terhad itu terdahulu.

(8) Walau apa pun subperaturan (6) dan (7), jika orang asing itu telah didaftarkan sebagai anggota dalam daftar anggota yang disenggarakan oleh penerbit sebelum pendepositan secara fizikal skrip yang merupakan syer terhad itu oleh orang asing itu dengan depository pusat, penerbit hendaklah memberikan keberhakan kepada hak dan obligasi berkenaan dengan syer terhad itu kepada orang asing itu.

(9) Penerbit hendaklah menyenggarakan suatu senarai yang hendaklah mengandungi butir-butir semua orang asing yang telah ditentukan sebagai berhak diberikan hak dan obligasi di bawah peraturan ini dan senarai itu hendaklah diadakan untuk diperiksa tanpa caj oleh mana-mana anggota penerbit atau mana-mana orang asing yang telah memperoleh syer terhad penerbit itu.

(10) Bagi maksud perenggan (2)(a) dan subperaturan (5), (6) dan (7), "syer terhad" termasuklah syer terhad yang tidak didepositkan dengan depository pusat.

#### **Hak dan obligasi jika penerbit digulungkan**

7. Walau apa pun peraturan 6, jika penerbit digulungkan mengikut Akta Syarikat 1965, seseorang orang asing yang mempunyai syer terhad dalam akaun sekuritinya pada tarikh pembahagian aset lebih kepada anggota syarikat itu adalah berhak mendapat segala hak dan obligasi berkenaan dengan syer terhad itu tanpa mengira sama ada had ditetapkan telah dilebihi.

#### **Penerbit hendaklah mentadbirkan hak dan obligasi orang asing yang tak berhak**

8. Jika penerbit telah membuat penentuan di bawah subperaturan 6(1) bahawa seseorang orang asing tidak berhak kepada hak dan obligasi, penerbit hendaklah menentukan cara hak dan obligasi itu akan diuruskan.

#### **Pemindahan bersilang syer**

9. Penerbit hendaklah, atas permohonan oleh seorang orang asing, memindahkan syer tempatan yang merupakan syer terhad yang dipegang oleh orang asing itu kepada syer asing mengikut kaedah-kaedah depository pusat jika—

- (a) orang asing itu mempunyai syer tempatan dalam akaun sekuritinya;
- (b) penerbit telah mengambilkira masa pemerolehan syer tempatan yang menjadi hal perkara permohonan itu
- (c) kuantiti syer tempatan itu adalah dalam had ditetapkan pada masa permohonan itu diterima; dan
- (d) penerimaan permohonan itu tidak akan mengakibatkan jumlah syer asing yang diterbitkan melebihi had ditetapkan.

Dibuat 8 Oktober 1996

[S(8.02) 443-20;PN(PU<sup>2</sup>)562]

ANWAR IBRAHIM

*Menteri Kewangan*